



DATUK MOHAMAD

Asean akan bincang erat k-sama penyiaran

KUALA LUMPUR, Ahad — Negara-negara Asean akan membincangkan tidak lama lagi soal meningkatkan kerjasama di bidang penyiaran dan penerangan, kata Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat.

Perbincangan itu, antara lain, akan berkisar pada kemungkinan bertukar-tukar rancangan hiburan dan peranan pertubuhan penyiaran dalam memupuk imej Asean.

Datuk Mohamad Rahmat memberitahu pemberita-pemberita setibanya dari Singapura di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam.

Beliau menambah, "Saya telah mengadakan perbincangan berfaedah dengan rakan sejawat Singapura saya dan berharap rundingan ini membuka jalan bagi kerjasama lebih baik di bidang penyiaran dan penerangan antara negara-negara

Asean."

Beliau berkata, Singapura menyambut baik cadangan menubuhkan Pejabat Bernama di republik itu.

Beliau berkata, negara tersebut bercadang menubuhkan sebuah pejabat akhbar di Kuala Lumpur yang akan diwakili oleh akhbar-akhbar hariannya.

Rancangan

"Rancangan ini adalah selaras dengan rancangan kita untuk membuka pejabat Bernama di negara tersebut dan tiap-tiap pejabat ini akan mempunyai dua orang pegawai," tambahnya.

Beliau menambah, langkah ini adalah selaras dengan objektif Agensi Berita Nasional itu untuk mempunyai pejabat-pejabat cawangan di semua negara anggota Asean.

Tambah beliau, "Saya dan Encik Dhanabalan juga membincangkan cadangan untuk memasukkan Singapura sebagai

anggota AIBD (Institut Pembangunan Penyiaran Asia) dan beliau akan mengkaji perkara ini dengan serius."

Menteri itu berkata, beliau akan membuat cadangan kepada Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan Asean mengenai tabung bagi rancangan-rancangan penyiaran Asean di Manila hujung bulan ini.

"Saya berharap negara-negara anggota akan menyokong cadangan ini dan mengadakan perbincangan-perbincangan mendalam mengenainya."

Beliau berharap negara-negara anggota sedar mengenai pentingnya mempunyai tabung seperti itu bagi mengeluarkan rancangan-rancangan yang boleh digunakan oleh pertubuhan-pertubuhan penyiaran di rantau ini.

Katanya, "Saya juga telah mencadangkan supaya negara-negara anggota mengumpulkan sumber kewangan mereka bagi meningkatkan mutu rancangan-

rancangan hiburan yang boleh melambangkan perpaduan dan persefahaman Asean selepas kejayaan kita menerbitkan rancangan-rancangan Kebudayaan pada masa lalu."

Perbadanan Penyiaran Singapura, tambah beliau, telah menyatakan kesediaan untuk meningkatkan kerjasama dengan RTM, terutama dalam memperbaiki mutu rancangan masing-masing.

"Kami juga mengadakan perbincangan mengenai kerjasama dua hala selain dari membincangkan langkah-langkah meneliti rancangan-rancangan yang boleh menjatuhkan moral belia kita".

Beliau menambah bahawa perbincangan juga tertumpu terhadap harga filem-filem asing yang meningkat dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membincangkan perkara itu dengan pengedar-pengedar filem berkenaan. — Bernama

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia